A

RAVEENDARAN CHELLAIAH

lwn.

SUBRAMANIAM ELLAIH

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
UMI KALTHUM MAJID PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-48-2010]
26 OKTOBER 2010

C ***PERSATUAN TAK DIPERBADANKAN:*** *Injunksi - Permohonan - Permohonan injunksi menghalang defendan daripada meneruskan mesyuarat melibatkan hal-hal persatuan - Bantahan awal - Sama ada tindakan plaintif suatu tindakan perwakilan atau peribadi - Sama ada pertikaian harusnya dirujuk kepada Pendaftar Pertubuhan dan bukan*
D *mahkamah - Sama ada plaintif mempunyai locus standi untuk memulakan tindakan*

Plaintif telah memohon untuk suatu perintah, antara lain, supaya injunksi dibenarkan untuk menghalang defendan sebagai Pengerusi
E Persatuan yang diperkatakan dan ahli-ahli jawatankuasa yang dinamakan pada Mesyuarat Agung Tahunan 2008 daripada meneruskan dengan sebarang mesyuarat yang melibatkan hal-hal persatuan. Faktanya adalah Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Simpang Renggam ('Persatuan itu') telah ditubuhkan
F di bawah s. 7 Akta Pertubuhan 1966 ("Akta Pertubuhan"). Raveendaran Chellaian telah mengambil tindakan ini bagi pihak Persatuan itu. Defendan telah membangkitkan empat bantahan awal terhadap permohonan plaintif itu iaitu (i) sama ada tindakan plaintif ini adalah suatu tindakan perwakilan ataupun suatu
G tindakan peribadi; (ii) bahawa salah fahaman dan pertikaian yang dirujuk dalam pernyataan tuntutan perlu dirujuk kepada Pendaftar Pertubuhan dan bukan kepada mahkamah ini; (iii) sama ada plaintif mempunyai *locus standi* untuk memulakan tindakan ini memandangkan bahawa plaintif tidak mengisytiharkan diri dan
H didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan sebagai pegawai awam dan tiada sebarang keterangan untuk menunjukkan bahawa plaintif telah dilantik sebagai Presiden Persatuan itu.

Diputuskan (menolak permohonan plaintif):

I **(1)** Tiada apa-apa dalam pernyataan tuntutan yang menunjukkan bahawa tindakan ini dimulakan sebagai suatu tindakan perwakilan. Adalah diperhatikan bahawa nama plaintif pada writ saman adalah "Raveendaran a/l Chellaiah bagi pihak

Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Simpang Renggam Johor." Akan tetapi nama plaintif pada pernyataan tuntutan pula adalah "Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Simpang Renggam, Johor". Adalah jelas bahawa plaintif yang dimaksudkan oleh pernyataan tuntutan itu adalah persatuan itu sendiri dan bukan Raveendaran Chellaiah itu sebagai wakil persatuan itu. Memandangkan pihak-pihak adalah terikat dengan plidingnya, bantahan awal defendan ini dibenarkan. (perenggan 7 & 8)

(2) Plaintif telah gagal mengeksibitkan senarai ahli-ahli persatuan itu, plaintif hanya membuat kenyataan dalam afidavit-afidavitnya tentang defendan dan 'segolongannya' itu yang bukan ahli Persatuan itu kerana tidak membayar yuran tahunannya dan telah disingkirkan daripada persatuan itu. Akan tetapi, beberapa petikan dalam afidavit sokongan plaintif menunjukkan bahawa plaintif telah pun menganggap defendan serta sebahagian 'golongannya' itu adalah ahli persatuan itu. Maka oleh itu, apa-apa salah faham dan pertikaian dalam kes ini seharusnya dirujuk kepada Pendaftar Pertubuhan di bawah peruntukan s. 16 Akta Pertubuhan. (perenggan 11 & 12)

(3) Peruntukan s. 9(c) Akta Pertubuhan adalah jelas sekali memerlukan persatuan itu, jika ianya ingin mengambil apa-apa tindakan undang-undang, menggunakan nama pegawai awam yang didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan itu. Ini tidak dilakukan oleh plaintif. Oleh yang demikian, plaintif tidak mempunyai *locus standi* untuk memulakan tindakan ini mahupun membuat permohonan ini. Juga, tiada sebarang keterangan untuk menunjukkan bahawa plaintif telah dilantik sebagai Presiden Persatuan itu. Plaintif juga tidak memberi apa-apa hujahan balas untuk mempertahankan kedudukan plaintif itu. Mahkamah membenarkan keempat-empat bantahan awal pihak defendan. (perenggan 15 & 16)

Kes-kes yang dirujuk:

SI Rajah & Anor v. Dato Mak Hon Kam & Ors (No 2) [1994] 1 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Societies Act 1966, ss. 7, 9(c), 16

Bagi pihak plaintif - T/n Manian K Marappan & Co (tidak hadir)
Bagi pihak defendan - R Vasanthan; T/n Julie Lim, Vasanthan & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Umi Kalthum Majid PK:

Permohonan

B **[1]** Plaintif telah memohon di kandungan 4 untuk suatu perintah yang pokoknya adalah untuk:

(a) injunksi dibenarkan untuk menghalang defendan sebagai Pengerusi Persatuan yang diperkatakan dan ahli-ahli
C jawatankuasa yang dinamakan pada Mesyuarat Agung Tahunan 2008 bertarikh 1 October 2008 sama ada sendiri atau melalui pekerja-pekerjanya atau ejen-ejennya atau sesiapa sahaja pun daripada meneruskan dengan sebarang mesyuarat agung atau sebarang mesyuarat yang melibatkan dengan hal-hal persatuan
D sehingga keputusan permohonan ini atau perintah selanjutnya; dan

(b) bahawa defendan sama ada sendiri dan ahli jawatankuasa persatuan atau melalui pekerja-pekerjanya atau ejen-ejennya
E atau sesiapa sahaja pun dihalang daripada mengendalikan atau berurusan dengan hartanah di bawah GRN 98793 Lot 592 Mukim Renggam, Johor yang mengandungi 0.5 hektar ("Hartanah tersebut") yang telah dikurniakan kepada persatuan defendan oleh Kerajaan Negeri Johor.

F **Fakta**

[2] Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Simpang Renggam, Johor ("persatuan itu") telah ditubuhkan pada 12 Ogos 1998 di bawah s. 7 Akta Pertubuhan 1966 ("Akta Pertubuhan").
G Raveendaran a/l Chellaiah adalah Presiden Persatuan (pihak plaintif tidak menentu merujuk jawatannya sebagai Presiden ataupun Pengerusi Persatuan itu) dan mengambil tindakan ini bagi pihak persatuan itu (lihat ms. 104, eks, 'CK13', kandungan 4A) sebagai plaintif. Selain dari mengeksibitkan "Senarai Pemegang-pemegang
H Jawatan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Bagi Tahun 2009/2010" persatuan itu di eks. 'CK13', plaintif telah gagal mengeksibitkan perlembagaan persatuan tersebut dan apa-apa bukti daripada pendaftar pertubuhan bahawa beliau adalah diisytiharkan dan didaftarkan oleh pendaftar itu sebagai "pegawai awam" atau
I "public officer" bagi persatuan itu di bawah peruntukan s. 9(c) Akta Pertubuhan. Plaintif juga gagal mengeksibitkan senarai ahli-ahli persatuan itu.

[3] Adalah didakwa oleh plaintif bahawa defendan dan ahli-ahli jawatankuasa yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang bukan ahli persatuan itu telah kononnya mengadakan suatu Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan itu pada 1 Oktober 2008 secara haram dan tidak mengikut perlembagaan persatuan itu. Walhal persatuan itu telah pun selesai mengadakan Mesyuarat Tahunan 2008 pada 18 Mac 2008.

[4] Mengikut plaintif, Kerajaan Negeri Johor telah mengurniakan sebidang tanah kepada persatuan itu, tetapi hakmilik hartanah tersebut, yang merupakan salah satu prayer plaintif dalam permohonan ini, tidak langsung dieksibitkan untuk membolehkan mahkamah menelitinya.

[5] Adalah tidak jelas daripada afidavit-afidavit yang difailkan oleh plaintif tentang apakah sebenarnya "kesalahan" defendan terhadap hartanah tersebut dan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan pada 1 Oktober 2008 yang didakwa oleh plaintif sebagai Mesyuarat haram itu. Hanya secara tidak langsung plaintif mendakwa bahawa defendan dan segolongannya telah merepresentasi persatuan itu dan telah mengutip duit untuk tujuan pembangunan kuil dan memasukkan duit dalam akaun bank yang telah dibukakan oleh defendan dan segolongannya itu (lihat perenggan 16, kandungan 6).

Bantahan-Bantahan Awal

[6] Defendan telah membangkitkan empat bantahan awal terhadap permohonan plaintif itu. Saya akan menimbangkannya satu demi satu.

Bantahan Pertama

[7] Defendan membangkitkan isu bahawa tidak diketahui sama ada tindakan plaintif ini adalah suatu tindakan perwakilan ataupun suatu tindakan peribadi. Ini adalah oleh kerana tiada apa-apa dalam pernyataan tuntutan yang menunjukkan bahawa tindakan ini dimulakan sebagai suatu tindakan perwakilan. Defendan telah rujuk kepada kes *SI Rajah & Anor v. Dato Mak Hon Kam & Ors (No 2)* [1994] 1 CLJ 215 sebagai otoritinya.

[8] Adalah diperhatikan bahawa nama plaintif pada writ saman adalah "Raveendaran a/l Chellaiah bagi pihak Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Simpang Renggam Johor". Akan

tetapi nama plaintif pada pernyataan tuntutan pula adalah "Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Simpang Renggam, Johor" dan perenggan 1 pernyataan tuntutan menyatakan:

> 1. Plaintif adalah sebuah persatuan yang didaftarkan pada 12.8.1998 dan ditubuhkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 ...

Adalah jelas bagi saya bahawa plaintif yang dimaksudkan oleh pernyataan tuntutan itu adalah persatuan itu sendiri dan bukan Raveendaran a/l Chellaiah itu sebagai wakil persatuan itu.

[9] Oleh itu dan memandangkan pihak-pihak adalah terikat dengan plidingnya saya membenarkan bantahan awal defendan ini.

Bantahan Kedua

[10] Salah fahaman dan pertikaian yang dirujuk dalam pernyataan tuntutan perlu dirujuk kepada pendaftar pertubuhan dan bukan kepada mahkamah ini atas otoriti *SI Rajah (supra)*. Plaintif telah berhujah bahawa beliau tidak perlu merujuk pertikaian ini kepada Pendaftar Pertubuhan kerana defendan dan kumpulannya bukanlah ahli-ahli persatuan itu.

[11] Sebagaimana saya telah pun menyatakan sebelum ini, plaintif telah gagal mengeksibitkan senarai ahli-ahli persatuan itu. Plaintif hanya membuat kenyataan dalam afidavit-afidavitnya tentang defendan dan "segolongannya" itu yang bukan ahli persatuan itu kerana tidak membayar yuran tahunannya dan telah disingkirkan daripada persatuan itu (perenggan 17, 19, kandungan 9). Akan tetapi dalam afidavit sokongan plaintif di kandungan 4A, plaintif telah menyatakan:

(a) di perenggan 9:

> Saya akan berkata bahawa Defendan dan ahli-ahli jawatankuasa yang diperkatakan kebanyakkan bukanlah ahli persatuan Plaintif yang sah dan mereka tidak pernah mengadakan mesyuarat agung tahunan 2008 pda 1.10.2008 ...

(b) di perenggan 10.10:

> Oleh kerana Encik Palanisamy a/l Sellamuthu sebagai pengerusi persatuan Plaintif tidak memberi kerjasama yang penuh kepada ahli-ahli jawatankuasa persatuan Plaintif dan secara sembunyi bersepakat dengan segolongan ahli-ahli

> politik MIC yang bukan ahli-ahli kuil dan tidak langsung mengambil berat tentang kebajikan persatuan Plaintif maka pihak persatuan Plaintif telah mengambil tindakan untuk membubarkan ahli jawatankuasa yang dipilih pada bulan Mac 2008.

(c) di perenggan 11:

> Saya juga akan berkata bahawa Defendan dan kumpulannya yang telah mengadakan Mesyuarat Tahunan 2008 bagi pihak persatuan saya pada 1.10.2008 yang diperkatakan yang dinafikan adalah bertentangan dengan perlembagaan persatuan saya.

[12] Petikan-petikan tersebut menunjukkan bahawa plaintif telah pun menganggap defendan serta sebahagian "golongannya" itu adalah ahli persatuan itu. Maka oleh itu saya bersetuju dengan hujahan peguam defendan bahawa apa-apa salah faham dan pertikaian dalam kes ini seharusnya dirujuk kepada Pendaftar Pertubuhan di bawah peruntukan s. 16 Akta Pertubuhan. Saya bersetuju dengan keputusan Hakim Lim Beng Choon dalam kes *SI Rajah (supra)* di ms. 222, perenggan E - F di mana beliau telah menyatakan:

> Upon a careful reading of the Societies Act 1966, I am fully satisfied that the legislators of the Societies Act 1966 intended to confer on the Registrar of Societies full power to deal with matters concerning the function and the administration of societies - including the appointment of officer bearers of societies, as well as disputes arising between members of a society and its officer bearers, subject only to the supervisory power of the Minister for the time being charged with the responsibility of the registration of societies ...

dan di ms. 222 & 223:

> For the above reasons, I hold that this court has no jurisdiction to grant the three declarations sought by the plaintiffs in their statement of claim ... since by virtue of the Societies Act 1966, the proper forum to deal with the issues raised in this action is the Registrar of Societies ...

Saya seterusnya berpendapat bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicara kes ini, apatah lagi permohonan ini.

Bantahan Ketiga

[13] Adalah pendirian defendan bahawa plaintif tidak mempunyai *locus standi* untuk memulakan tindakan ini memandangkan bahawa plaintif tidak mengisytiharkan diri dan didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan sebagai pegawai awam (public officer). Rujukan adalah dibuat kepada peruntukan s. 9(c) Akta Pertubuhan yang memperuntukkan seperti berikut:

> 9. The following provisions shall apply to registered societies:
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> (c) *a society may sue or be sued in the name of such one of its members as shall be declared to the Registrar and registered by him as the public officer of the society for that purpose*, and if no such person is registered, it shall be competent for any person having a claim or demand against the society to sue the society in the name of any office-bearer of the society;
>
> ...
>
> [Tekanan ditambahkan]

[14] Peguam cara plaintif berhujah bahawa oleh kerana defendan dan kumpulannya bukanlah ahli-ahli persatuan itu, maka beliau tidaklah perlu didaftarkan sebagai pegawai awam. Dengan hormat, saya tidak dapat menerima hujahan peguam cara plaintif itu. Peruntukan s. 9(c) tersebut adalah jelas sekali memerlukan persatuan itu, jika ianya ingin mengambil apa-apa tindakan undang-undang, menggunakan nama pegawai awam yang didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan itu. Ini tidak dilakukan oleh plaintif.

[15] Oleh yang demikian saya bersetuju dengan hujahan peguam cara defendan bahawa plaintif tidak mempunyai *locus standi* untuk memulakan tindakan ini mahupun membuat permohonan ini.

Bantahan Keempat

[16] Tiada sebarang keterangan untuk menunjukkan bahawa plaintif telah dilantik sebagai Presiden Persatuan itu. Di sini, peguam cara plaintif tidak memberi apa-apa hujahan balas untuk mempertahankan kedudukan plaintif itu.

[17] Saya membenarkan bantahan awal keempat defendan ini memandangkan bahawa fakta ini adalah yang benar.

Kesimpulan

[18] Berdasarkan alasan tersebut di atas, saya membenarkan keempat-empat bantahan awal pihak defendan itu. Dengan itu saya dapati bahawa plaintif tidak mempunyai kausa tindakan serta *locus standi* untuk membuat tuntutan ini. Maka dengan itu juga saya menolak permohonan plaintif dengan kos RM5,000. Tidaklah perlu bagi saya menimbang permohonan plaintif itu secara substantif.